

STRUKTUR MASYARAKAT MELAYU
DI ZAMAN SABELUM PERALIHAN

KOLEKSI N. A. HALIM

4
00068
HAL

N.A. Halim
muzim Negara -

BAHAGIAN KEDUA

(i) STRUKTUR MASYARAKAT MELAYU DI ZAMAN SEBELUM PERALIHAN.

Cara kehidupan orang Melayu di zaman sebelum peralihan (transition period) adalah berlandaskan 'hidup untuk hari ini' semata-mata, lahiriah ungkapan-ungkapan kata, seperti rezeki se-cupak tidak akan jadi segantang, kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang, seperti enau dalam belukar. Cara kehidupan mereka ketika itu adalah untuk 'temporary survival' sahaja, sa-perti menyediakan tempat berlindung dari segala bencana dan ke-adaan. Mereka membuat perkampungan berhampiran dengan sungai-su-ngai (untuk kemudahan berulang-alek) dan juga dilembah-lembah (untuk kemudahan bercucuk-tanam), yang masih terus dipusakai hi-ngga kehari ini. Jadi tidak hairanlah kenapa terdapat banyak per-kampungan-perkampungan Melayu letaknya disalah-satu daripada ka-wasan-kawasan yang tersebut.

Seperti juga bangsa-bangsa lain didunia ini, khususnya dikawasan Asia, nyata kepada kita bahawa konsep atau pegangan hi-dup orang-orang Melayu ketika itu tidak jauh bezanya daripada ba-ngsa-bangsa yang tersebut itu. Konsep mereka adalah sehalu, iyalu mengagungkan 'nature'. Jadi konsep ini telah dijadikan satu pega-ngan hidup yang mutlak oleh mereka, dengan sebab itulah nature dan kehidupan mereka berhubung-kait diantara satu sama lain. Contohnya, lihatlah bagaimana berkesannya dayacipta mereka dalam menjalin ataupun menyirat daun-daun nipah atau bertam untuk dijadikan atap

dan juga dinding rumah mereka. Memang tidak dapat di sangkal lagi bahawa orang-orang Melayu mempunyai dayafikir serta dayacipta yang kuat. Kesan sensabiti yang begitu bertenaga terhadap alam persekitaran membuatkan mereka itu ahli, dalam bidang perkerjaan mahir (skill works). Kemungkinannya adalah dari hasil pengamatan tentang bagaimana keunikan burung-burung membuat sarang mithalnya. Oleh hal yang demikian alam semula jadi bersama unggas-unggas yang berterbangan telah banyak mendorong mereka untuk mencipta sesuatu yang berfaedah bagi diri mereka sendiri.

Konsep menghormati nature ini telah menjadi datu ideologi kepada masyarakat Melayu, kerana dari naturelah mereka memperoleh sumber-sumber hidup. Tanah, air, api dan angin adalah unsur untuk segala-galanya, yang mana masing-masing mempunyai kuasa, semangat atau hikmat-hikmat tertentu. Berdasarkan kepercayaan mereka, lahirlah tanggapan tentang keujudan semangat, ini disebabkan alam semula jadi ini adalah 'kehidupan', begitu jugalah halnya dengan manusia, tiap-tiap yang hidup itu ada mempunyai semangat.

Saperti yang telah dijelaskan, dizaman sebelum peralihan bagi orang-orang Melayu, mereka telah turun-temurun mendiami dan meneroka hutan belukar dengan berpandukan fakta-fakta alam (geographical factors) kebanyakan daripada mereka berkampung dan menetap pada satu-satu tempat, oleh hal yang demikian mereka tidak dapat 'lari' dari berbagai-bagai rintangan dan juga halangan yang mengganggu-gugat kehidupan mereka sehari-hari. Saperti bahaya terhadap serangan dan jangkitan penyakit ataupun hawar, tersampuk atau keteguran dan bermacam-macam lagi penyakit yang unik-unik. Jadi, untuk cuba menghindarkan dari 'bala' tersebut, mereka terpaksa mencari ikhtiar dan jalan untuk mengatasinya. Oleh hal yang demikian kita tidak dapat menafikan bahawa nenek moyang kita dizaman rentu (kelmaren itu) adalah terdiri dari mereka yang bijak-bijak, pakar dan juga ahli fikir bagi merancang

dan membasmi sesuatu masalah yang menimpa diri mereka, kerana disebabkan tekanan dan desakan keadaan sekeliling yang tidak menyenangkan, mereka terpaksa mencari penyelesaian dan jalan keluar di samping menjalankan ikhtiar untuk terus hidup, baik dari atau dengan cara zahiriah (physical) maupun batiniah. Dan didalam konteks inilah, tumbuh-tumbuhan terutamanya 'daun' memainkan peranannya, kerana mereka dapati daun-daun yang terdapat disekeliling mereka mempunyai khasiat yang 'multi-functional), iaitu untuk dimakan dan dijadikan ubat yang amat berkesan.

"Sejarah telah membuktikan bahawa telah terujud masalah dualisma didalam kepercayaan masyarakat Melayu yang mana disatu pihak memusatkan kepercayaan kepada aspek-aspek 'formal' iaitu percaya kepada Allah serta ajarannya dan pada satu pihak yang lain wujud kepercayaan yang 'informal' iaitu percaya kepada kuasa yang luar biasa, seperti kubur-kubur, batu-batu dan juga pokok-pokok besar. Jadi detik-detak kekabuan ini menimbulkan perubahan didalam struktur masyarakat Melayu.

Mereka juga melalui tapak-tapak perkembangan sejarah yang tertentu, pada peringkat awalan masyarakat dan kebudayaan Melayu tergabung didalam bentuk yang traditional. Masyarakat Melayu pada masa itu adalah terdiri dari golongan yang simple, corak kehidupan mereka lebih banyak ditentu dan dikuasai oleh alam sekeliling daripada penentuan yang ditapis dari kebolehan dan juga kemampuan tenaga mental dan fizikal, maka dalam period yang beginilah, objek alam itu dipandang dengan penuh ketakutan keajaiban dan kehairanan, kerana objek-objek itu dipercayai mementu, mengatur dan mengatasi kehidupan mereka sehari-hari⁽ⁱ⁾".

"Peringkat kedua sejarah perkembangan masyarakat dan kebudayaan Melayu ialah bilamana pengaruh Hindu mula meresap menyisip masuk yang seterusnya mempengaruhi kebudayaan Melayu. Hasil dari konteks kebudayaan ini muncullah pula kepercayaan yang baru, yang telah melahirkan konsep kedewa-dewaan kedalam masyarakat Melayu pada masa itu⁽ⁱⁱ⁾".

(i) islam dan keramat-mohd.nor ali
dewan masyarakat-oktober 1971
m.s.36

Disebabkan lintasan-lintasa sejarah inilah telah meninggalkan kesan yang bukan sedikit terhadap struktur kebudayaan Melayu yang kita warithi hingga kehari ini. Seperti yang telah saya catitkan terdahulu, gulungan bangsa Melayu pada ketika itu adalah terdiri daripada mereka-mereka yang ahli dalam serba-serbi. Mereka tidak mempersia-kan tentang apa yang terdapat disekeliling mereka, objek-objek itu digunakan bagi melahirkan sesuatu bagi faedah mereka sendiri.

Ramai orang berpendapat bahawa kejayaan mereka itu adalah sebagai 'menjadi' sahaja, saya kira pendapat ini adalah pendapat yang kurang matang, kerana sesuatu itu tidaklah 'menjadi' dengan sendirinya (melainkan kuasa yang diluar kuasa manusia). Dengan ini nyata kepada kita bahawa apa yang telah nenek-moyang kita pusakai itu adalah melambangkan yang mereka itu ahlifikir, pencipta yang tidak dapat diperkecil-kecilkan.